

26 MAY 1998

Suriname (Bergambar)

PRESIDEN SURINAME UCAP SELAMAT TINGGAL KEPADA AGONG

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Presiden Suriname Jules Wijdenbosch yang mengakhiri lawatan negara dua hari ke Malaysia hari ini menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara untuk mengucapkan selamat tinggal.

Tuanku Ja'afar turut meraikan Wijdenbosch pada jamuan negara di istana malam tadi.

Pagi ini, Wijdenbosch melawat Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (Porim) di Bandar Baru Bangi.

Ketika berucap, Ketua Pengarah Porim Datuk Dr Yusuf Basiron menyatakan harapan syarikat-syarikat Malaysia akan berminat menyertai aktiviti-aktiviti hulu dan hiliran industri minyak sawit Suriname.

Katanya difahamkan industri minyak sawit di Suriname, di utara Amerika Selatan masih pada peringkat awal dan memerlukan kepakaran teknikal serta kewangan untuk membantu ia berkembang.

"Oleh itu kerajaan Suriname menggalakkan usahasama dengan orang asing untuk melabur dalam industri itu di sana," katanya.

Semalam, Wijdenbosch mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri dan Malaysia menyatakan kesediaannya membantu Suriname ke arah pembangunan.

Kedua-dua negara juga menandatangani perjanjian perdagangan untuk mempertingkatkan perdagangan dua hala, yang pada tahun lepas sebanyak RM2 juta.

-- BERNAMA

MAM RHM RON